



PEMBERITAHUAN PESAKIT TIBI BERPINDAH KELUAR PUSAT RAWATAN (PR1)

1. PENDAHULUAN

Objektif

Borang/surat ini digunakan bagi memantau semua kes tibi yang berpindah keluar ke pusat rawatan (PR1) yang lain samada di dalam daerah yang sama atau ke daerah lain.

Skop Penggunaan.

Borang/surat ini dibuat dalam bentuk berkarbon 3 salinan. Pegawai bertanggungjawab di Pusat Rawatan 1 (PR1) asal hendaklah mengisi borang/surat ini apabila pesakit akan berpindah ke Pusat Rawatan (PR1). Salinan pertama bersama salinan TBIS 10-I di hantar secara pos ke Pusat Rawatan di mana pesakit akan berpindah dan salinan kedua dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah asal (hanya perlu bagi kes yang berpindah ke daerah lain sahaja). Salinan ketiga disimpan di PR1 yang merujuk.

Bagi kes yang berpindah antara negeri, penghantaran hendaklah dibuat melalui Pejabat Pengarah Kesihatan Negeri masing-masing.

Maklumbalas penerimaan pesakit hendaklah dibuat oleh kakitangan pusat rawatan yang menerima kes dengan menghantar balik potongan jawapan di bahagian bawah TBIS 10K dengan menyatakan samada kes yang dirujuk hadir atau tidak. Jika kes yang dirujuk hadir, maka PR1 yang merujuk kes hendaklah menghantar semua dokumen pesakit termasuk X-Ray ke PR1 rujukan.

2. FAEDAH

Penggunaan borang/surat ini membolehkan Pejabat Kesihatan Daerah Pendaftar mengesan pergerakan pesakit akibat bertukar pusat rawatan bagi mengelakkan berlakunya keciciran rawatan dan mengenalpasti Pejabat Kesihatan Daerah yang baru yang bertanggungjawab memberikan maklumbalas pesakit selanjutnya kepada Pejabat Kesihatan Daerah Pendaftar melalui TBIS 10A-2.

3. PANDUAN MENGISI BORANG/SURAT

Isi dalam ruangan yang disediakan.

Arahan Tambahan:

Selepas 3 hari, PR1 asal perlu hubungi PR1 penerima untuk menyemak kehadiran pesakit. Jika Pesakit tidak hadir di PR1 penerima, PR1 asal bertanggungjawab untuk memulakan pengesanan pencicir. Jika gagal mencari pesakit setelah 2 bulan, PR1 asal bertanggungjawab untuk mengisytiharkan pesakit terhenti rawatan.